

BANK SOALAN



UASA

SEJARAH



Tingkatan
3
KSSM

Bahagian A

Bab 1 Kedatangan Kuasa Barat

1. Apakah peranan pembesar yang mentadbir jajahan?
A Menjaga keamanan
B Mengelakkan kedaulatan negeri
C Mengendalikan perdagangan antarabangsa
D Menyampaikan arahan raja kepada orang kampung
E I dan II
F I dan IV
G II dan III
H III dan IV
2. Senarai berikut berkaitan dengan cerita rakyat dalam masyarakat Melayu tradisional.
 - *Si Tanggang Anak Derhaka*
 - *Anjing dengan Bayang-Bayang*
- Apakah kepentingan cerita tersebut dalam masyarakat Melayu tradisional?
A Sukatan pelajaran
B Pendidikan formal
C Pendidikan tidak formal
D Warisan nenek moyang
3. Maklumat berikut menunjukkan perkembangan di Eropah.
 - Revolusi Perindustrian
 - Penciptaan kapal wap
 - Pembukaan Terusan Suez
- Bagaimakah perkembangan tersebut memberikan kesan kepada Alam Melayu?
A Nasionalisme tercusus
B Kuasa Barat meluaskan kuasa
C Sistem perbankan diperkenalkan
D Perdagangan antarabangsa dijalankan
4. Kuasa Eropah manakah yang berusaha bertapak di Pulau Langkawi?
A Rusia
B Jerman
C Sepanyol
D Amerika Syarikat
5. Bagaimakah British mendapatkan Melaka pada tahun 1824?
A Mengadakan pakatan dengan Johor
B Memeterai perjanjian dengan Belanda
C Menyerang Kesultanan Melayu Melaka
D Mendesak Sultan Melaka menerima naungan



Bab 2 Pentadbiran Negeri-negeri Selat

6. Francis Light berjaya menduduki Pulau Pinang pada tahun 1786 dan menamakannya *Prince of Wales Island*. Apakah strategi yang digunakan oleh Francis Light untuk menduduki Pulau Pinang?
- A Tipu muslihat
B Usaha pemodenan
C Bayaran pampasan
D Manipulasi keadaan semasa
7. Rajah berikut menunjukkan tindakan Sultan Abdullah untuk mendapatkan semula Pulau Pinang.

Angkatan tentera laut British menyerang kubu Sultan Abdullah di Seberang Perai.

Sultan Abdullah terpaksa menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Keamanan Inggeris-Kedah pada 1 Mei 1791.

- Apakah kesan perjanjian tersebut?
- A Pembukaan bandar Georgetown
B Penyerahan Seberang Perai kepada British
C Pengiktirafan pendudukan British di Pulau Pinang
D Pengesahan Sultan Abdullah sebagai Sultan Kedah
8. Apakah peranan British dalam Surat Kew?
- A Memberi bantuan ketenteraan
B Menjaga tanah jajahan Belanda
C Menjamin kemenangan Belanda
D Berkongsi mentadbir tanah jajahan
9. Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan di Alam Melayu pada abad ke-19.

Tahun	Peristiwa
1824	Perjanjian London

- Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap kerajaan Alam Melayu?
- A Agama Kristian tersebar
B Kuasa British bertapak di Alam Melayu
C Ekonomi dagangan berkembang pesat
D Terbahagi kepada dua lingkungan pengaruh
10. Maklumat berikut merupakan negeri yang disatukan di bawah satu pentadbiran pada tahun 1826.

Negeri-negeri Selat

- Melaka
- Singapura
- Pulau Pinang

- Apakah matlamat British membentuk Negeri-negeri Selat?
- A Menyebarluaskan tamadun
B Menguasai Selat Melaka
C Mengatasi perdagangan Belanda
D Menggalakkan perdagangan antarabangsa

Bab 3 Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

11. Maklumat berikut berkaitan dengan perlombongan bijih timah.

Pada abad ke-15, bijih timah telah dilombong untuk kegunaan tempatan dan diperdagangkan.

Golongan manakah yang menjalankan kegiatan perlombongan pada masa itu?

- A Orang Melayu
- B Orang Portugis
- C Pelombong Cina
- D Saudagar Eropah

12. Senarai berikut berkaitan dengan tokoh-tokoh yang menyumbang kepada pembangunan negara kita.

- Raja Abdullah bin Raja Jaafar
- Abdullah Hukum
- Sutan Puasa
- Yap Ah Loy

Apakah persamaan dalam sumbangan mereka?

- A Menamatkan huru-hara
- B Menentang penjajahan British
- C Membangunkan Kuala Lumpur
- D Mengasaskan lombong bijih timah

13. Maklumat berikut merujuk kepada dua orang pembesar yang berebut kawasan Sungai Linggi.

- Dato' Syahbandar
- Dato' Kelana

Mengapakah Sungai Linggi menjadi rebutan?

- A Markas tentera
- B Pungutan cukai
- C Pelabuhan entrepot
- D Kekayaan bijih timah

14. Mengapakah British membentuk Persekutuan 1896?

- I Memantapkan pentadbiran
 - II Menguasai negeri-negeri Melayu
 - III Mengembalikan kuasa raja-raja Melayu
 - IV Menangani masalah kewangan Pahang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

15. Siapakah yang mengetuai pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu?

- A Gabenor
- B Residen Jeneral
- C Gabenor Jeneral
- D Residen Konsular

**Bab 4****Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu**

- 16.** Antara berikut, yang manakah bidang kuasa dan tanggungjawab pembesar peringkat negeri?
- Mengutip cukai
 - Melaksanakan perintah sultan
 - Menyediakan tenaga kerja dan tentera
 - Menjadi perantara antara pembesar dengan rakyat
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 17.** Apakah sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh Sultan Muhammad II (1839 – 1886) di Kelantan?
- A Sistem Jajahan
B Sistem Penasihat
C Sistem Jemaah Menteri
D Sistem Pembesar Empat Lipatan
- 18.** Apakah faktor utama yang membolehkan Johor mengekalkan kedaulatannya hingga tahun 1914?
- A Kemajuan dan kemakmuran
B Hubungan baik dengan British
C Lokasi berhampiran dengan Singapura
D Kekuatan Askar Timbalan Setia negeri Johor
- 19.** Senarai berikut berkaitan dengan jentera pentadbiran di Terengganu.
- Jemaah Menteri
 - Majlis Mesyuarat Negeri
- Apakah tujuan pembentukan jentera pentadbiran tersebut?
- A Mengawal kuasa Penasihat British
B Menggubal undang-undang negeri
C Melaksanakan pentadbiran kerajaan
D Mengambil kakitangan pentadbiran negeri
- 20.** Maklumat berikut berkaitan dengan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu bersifat longgar yang tidak ditadbir sebagai satu unit pentadbiran yang tunggal.

Bagaimanakah British berjaya mengukuhkan kuasa di negeri-negeri tersebut?

- A Melantik Penasihat British
B Menjadikan negeri jajahan
C Menghapuskan institusi beraja
D Memperkenalkan birokrasi Barat

Bab 5 Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

21. Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan di Sarawak dan Sabah.

- Dilaksanakan oleh masyarakat tempatan di Sarawak dan Sabah
- Pegangan dan kepatuhan kepada adat masyarakat merupakan asas yang penting

Apakah sistem pemerintahan tersebut?

- A Sistem Kedatuan
- B Sistem Kesukuan
- C Sistem Ketua Bebas
- D Sistem Pembesar Tempatan

22. Mengapakah James Brooke bersedia membantu Pengiran Raja Muda Hashim menamatkan kebangkitan di Sarawak?

- A Menguasai Sarawak
- B Menegakkan keadilan
- C Memelihara keamanan
- D Menjalinkan hubungan perdagangan

23. Apakah kesan Perjanjian 1841 dan Perjanjian 1842?

- I Sultan Brunei berundur ke Sabah
 - II Pengiran Raja Muda Hashim kehilangan kuasa
 - III Menamatkan kekuasaan Kesultanan Brunei
 - IV James Brooke diiktiraf sebagai pemerintah Sarawak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

24. Maklumat berikut berkaitan dengan Piagam Diraja.

Berikut penganugerahan Piagam Diraja, sistem birokrasi yang diterajui oleh Gabenor telah dibentuk dan dilaksanakan oleh SBUB.

Apakah matlamat utama sistem birokrasi tersebut?

- A Mentadbir secara adil
- B Mengaut keuntungan
- C Menghapuskan rasuah
- D Menyebarkan tamadun

25. Penduduk tempatan telah melakukan satu kesalahan di Sarawak.

Di mahkamah manakah kesalahan tersebut akan diadili?

- A Mahkamah Adat
- B Mahkamah Residen
- C Mahkamah Majistret
- D Mahkamah Anak Negeri

**Bab 6****Kesan Pentadbiran Barat terhadap Ekonomi dan Sosial**

26. Maklumat berikut berkaitan dengan ekonomi moden.

Modal yang besar diperlukan untuk mempertingkatkan proses pengeluaran supaya dapat memberikan pulangan keuntungan yang lumayan kepada pelabur Eropah.

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan maklumat tersebut?

- I Penghasilan getah perca
 - II Perusahaan membuat tikar
 - III Perlombongan emas di Raub, Pahang
 - IV Perlombongan petroleum di Miri, Sarawak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27. Apakah sumbangan H.N. Ridley dalam ekonomi moden di Negeri-negeri Melayu?

- A Pelabuhan moden
- B Sistem tօrehən getah
- C Pemprosesan tembakau
- D Teknologi perlombongan

28. Mengapakah pentadbiran Brooke menguatkuasakan Land Settlement Order 1933 di Sarawak?

- A Mengawal ekonomi
- B Permintaan pelabur British
- C Memudahkan urusan tanah
- D Melindungi masyarakat peribumi

29. Apakah tujuan utama landasan kereta api dibina?


- A Melicinkan pentadbiran
- B Memudahkan eksport bahan mentah
- C Menggalakkan pengangkutan awam
- D Meningkatkan taraf hidup penduduk setempat

30. Mengapakah British tidak berminat untuk memajukan pendidikan sekolah Melayu?

- A Tiada peruntukan
- B Mengelakkan persaingan
- C Mengelakkan orang Melayu sebagai petani
- D Tumpuan kepada pendidikan sekolah Inggeris

Bab 7 Penentangan Masyarakat Tempatan

31. Rajah berikut berkaitan dengan bentuk penentangan masyarakat tempatan terhadap British.



Apakah X?

- | | |
|--------------------------|----------------------------------|
| A Menggunakan kuasa raja | C Menganjurkan demonstrasi |
| B Membuat bantahan rasmi | D Menggunakan sistem perundangan |


32. Senarai berikut merupakan masyarakat tempatan yang menentang kuasa Barat.

- Dol Said
- Tok Janggut

Apakah persamaan isu yang diperjuangkan oleh kedua-dua tokoh tersebut?

- | | |
|----------|-----------------|
| A Cukai | C Perundangan |
| B Maruah | D Layanan buruk |

33. Rajah berikut menunjukkan usaha ke arah perdamaian di Seri Menanti.



Apakah kedudukan Yamtuan Antah selepas rundingan tersebut?

- | |
|---|
| A Dibuang negeri ke Melaka |
| B Digelar pahlawan Seri Menanti |
| C Diberi kuasa untuk memerintah Paroi |
| D Dilantik menjadi Yamtuan Besar Seri Menanti |

34. Maklumat berikut berkaitan dengan Engku Besar Jeram Tuan Ahmad.

- Diberi jawatan Tok Kweng Muda
- Pusat pentadbiran Jeram berpindah ke Pasir Puteh

Mengapa Engku Besar Jeram Tuan Ahmad menjalankan kempen menentang pentadbiran British bersama-sama Tok Janggut?

- | |
|--------------------------------------|
| A Hilang kuasa pentadbiran |
| B Membaiki pungutan sistem cukai |
| C Menuntut jawatan yang lebih tinggi |
| D Mendesak British membawa kemajuan |

35. Bagaimanakah penentangan oleh masyarakat tempatan membawa kesan kepada pentadbiran British di Negeri-negeri Melayu?

- | | |
|--|--------------|
| I Mengalami kerugian | C II dan III |
| II Menghormati pemerintahan tradisional | D III dan IV |
| III Meringankan beban penduduk tempatan | |
| IV Merombak semula skim penempatan pegawai | |



Bab 8 Kebijaksanaan Raja dan Pembesar Melayu Menangani Cabaran Barat

36. Apakah kesan Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok terhadap wilayah Negeri-negeri Melayu Utara?
- A Semakin kecil
 - B Berpecah belah
 - C Bertambah besar
 - D Pembahagian sempadan tidak jelas
37. Maklumat berikut berkaitan dengan reaksi pemerintah negeri-negeri Melayu terhadap Perjanjian Bangkok 1909.
- "Siam tidak mempunyai hak ke atas negeri beta."**
- Siapakah pemerintah yang membuat penegasan tersebut?
- A Sultan Muhammad IV
 - B Sultan Zainal Abidin III
 - C Raja Syed Alwi Jamalullai
 - D Sultan Abdul Hamid Halim Shah
38. Apakah perkara yang menjadi desakan Raja Melayu dalam Durbar di Kuala Lumpur 1903?
- A Pendidikan kaum wanita
 - B Pemusatan kuasa Residen Jeneral
 - C Kemajuan sosioekonomi orang Melayu
 - D Penubuhan Rejimen Askar Melayu Diraja
39. Maklumat berikut merujuk tindakan Tunku Mahmud yang menerajui Majlis Mesyuarat Negeri Kedah.
- Menggunakan bahasa Melayu dalam pentadbiran dan perundangan
 - Mengutamakan pelantikan pegawai Melayu dalam pentadiran
 - Menetapkan hari Jumaat sebagai cuti umum
 - Menggunakan kalender Hijrah

Bagaimanakah pemerintah tersebut menghadapi cabaran Barat?

- A Melemahkan semangat British
 - B Memelihara identiti negeri Kedah
 - C Membantah Perjanjian Bangkok 1909
 - D Mengetepikan undang-undang British
40. Apakah peranan ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan?
- A Memartabatkan bahasa Melayu
 - B Memberikan nasihat kepada sultan
 - C Mendesak British memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak watan
 - D Menubuhkan sekolah khas kepada kaum perempuan untuk mempelajari agama

Bahagian B

Bab 1 Kedatangan Kuasa Barat

1. Abad ke-16 menyaksikan bermulanya kedatangan kuasa Barat ke negara kita. Kedatangan kuasa Barat berterusan sehingga abad ke-20.

- (a) Nyatakan faktor-faktor kedatangan kuasa Barat ke negara kita pada abad ke-19 dan ke-20.

[3 markah]

(b) Penentangan kuasa Belanda yang mula bangkit sebagai kuasa penjajah pada abad ke-17 telah berusaha mengembangkan kuasanya ke Alam Melayu.

Jelaskan strategi-strategi yang digunakan oleh kuasa Belanda untuk meluaskan kuasanya di negara kita.

[3 markah]

(c) Sebagai rakyat yang patriotik, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan bagi mengelakkan peluasan kuasa Barat ke negara kita?

[4 markah]



Bab 2

Pentadbiran Negeri-negeri Selat

2. Negeri-negeri Selat merupakan unit pentadbiran yang dibentuk oleh British pada tahun 1826.

(a) Nyatakan sebab British membentuk Negeri-negeri Selat.

[3 markah]

(b) Mengapakah pentadbiran Negeri-negeri Selat oleh Pejabat India (1858 – 1867) menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pedagang dan penduduk tempatan?

[3 markah]

(c) Sebagai seorang pentadbir yang bijaksana, bagaimanakah anda dapat memastikan pentadbiran yang anda jalankan itu berkesan?

[4 markah]

Bab 4 Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

3. Berikut Perjanjian Bangkok 1909 dan penerimaan Penasihat British oleh Johor pada tahun 1914, kelima-lima buah negeri Melayu tersebut dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

(a) Nyatakan **tiga** ciri Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[3 markah]

(b) Apakah ciri-ciri pentadbiran negeri Terengganu?

[3 markah]

(c) Apakah usaha-usaha yang dapat anda laksanakan bagi memastikan institusi kesultanan tidak terancam semasa pembentukan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?

[4 markah]

**Bab 8 Kebijaksanaan Raja dan Pembesar Melayu Menangani Cabaran Barat**

4. Kejayaan negeri Johor memelihara kedaulatannya sehingga tahun 1914 menyaksikan kepekaan pemerintahnya supaya Johor tidak terperangkap dengan muslihat British.

(a) Nyatakan **tiga** inisiatif Temenggung Daeng Ibrahim bagi menyekat rancangan British untuk menguasai Johor.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[3 markah]

(b) Jelaskan kebijaksanaan diplomasi yang ditunjukkan oleh Sultan Abu Bakar.

[3 markah]


(c) Sebagai rakyat Malaysia yang patriotik, bagaimanakah kita dapat menzahirkan taat setia kepada pemerintah yang berwibawa?

[4 markah]

Bahagian C

Bab 3 Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu

1. Gambar berikut berkaitan dengan kegiatan perlombongan bijih timah di negara kita.



- (a) Jelaskan kegiatan perlombongan bijih timah yang dijalankan pada masa itu. [6 markah]
- (b) Huraikan kejayaan perlombongan bijih timah di Perak pada abad ke-19. [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha untuk memajukan bidang perlombongan di negara kita pada hari ini? [8 markah]

Bab 5 Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

2. Kejayaan James Brooke menyelesaikan masalah di Sarawak telah membuka ruang untuk meluaskan kuasa di Sarawak.
- (a) Jelaskan masalah yang diselesaikan oleh James Brooke di Sarawak. [6 markah]
- (b) Huraikan strategi yang digunakan oleh James Brooke untuk menguasai Sarawak. [6 markah]
- (c) Apakah iktibar yang diperoleh daripada kejayaan James Brooke menguasai Sarawak berikutan kekacauan yang berlaku di Sarawak? [8 markah]

Bab 6 Kesan Pentadbiran Barat terhadap Ekonomi dan Sosial

3. Bagi mengeskploitasi kekayaan negara kita, kerajaan British telah memperkenalkan pelbagai teknologi baharu dalam bidang ekonomi moden.
- (a) Jelaskan teknologi moden yang diperkenalkan oleh British dalam bidang perlombongan. [6 markah]
- (b) Huraikan perkhidmatan kereta api yang diperkenalkan oleh British di negara kita. [6 markah]
- (c) Sebagai rakyat yang cinta akan tanah air, apakah usaha-usaha yang dapat anda lakukan bagi menyokong perkembangan ekonomi negara kita? [8 markah]



Bab 7

Penentangan Masyarakat Tempatan

4. Gerakan kebangkitan masyarakat tempatan menentang penjajah British di negara kita merupakan kesan rasa tidak puas hati terhadap dasar pentadbiran British.
- (a) Mengapakah pentadbiran British menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat tempatan? [6 markah]
- (b) Apakah kesan penentangan masyarakat tempatan terhadap pentadbiran British di Negeri-negeri Melayu? [6 markah]
- (c) Rata-rata penentangan masyarakat tempatan terhadap kuasa penjajah menemui kegagalan meskipun pada peringkat awal memperlihatkan kejayaan.
Pada pendapat anda, mengapakah keadaan sedemikian berlaku? [8 markah]